



Mawaddah Munirah MF, Shamilah Hasanah M, Farahafada S, Nursyamini Nadia MY, Farah Najwa A, Rabi'atul Qaiyisya MO, Nur Ilyana NI, Haressa H, Nur Zahidah Z
Klinik Pergigian Mantin, Seremban, Negeri Sembilan

1. PEMILIHAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

PENGENALAN

Menurut WHO 'Global Oral Health Status Report' (2022) dianggarkan hampir 3.5 billion orang mempunyai masalah kesihatan pergigian seperti karies gigi, masalah gusi dan kanser mulut.(1)

Di Malaysia, berdasarkan statistik 'National Oral Health Survey of Adults 2020, 9 daripada 10 orang dewasa menghidap penyakit gusi dan karies gigi (2).

Penyakit pergigian ini jika tidak dirawat dengan segera boleh menyebabkan jangkitan yang lebih serius dan kronik sehingga bukan hanya memberi kesan kepada kualiti hidup pesakit tetapi boleh juga membahayakan nyawa pesakit (1).

Oleh itu, rawatan pergigian yang optimum dapat membantu menyelesaikan masalah ini. Pemberian rawatan pergigian yang efisien dapat meningkatkan status kesihatan pergigian dalam masyarakat.



PESAKIT MENGALAMI BENGKAK CELLULITIS DAN LUOWIG ANGINAI YANG BOLEH MERAGUT NYAWA KIBAT JANGKITAN GIGI YANG ROSAK TERUK

PEMILIHAN


MASALAH	S	M	A	R	T	Σ
Peratus rendah bagi pesakit luar yang menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin	27	27	27	27	27	135
Peratus rendah bagi pesakit luar pergigian yang mempunyai bincaan tekanan darah yang tinggi diujuk ke klinik kesihatan	25	27	23	25	23	123
Peratus pemeriksaan pergigian pesakit toddler baharu yang rendah	26	27	23	25	26	127
Peratus pemeriksaan pergigian bagi ibu yang mengandung baharu yang rendah	26	27	22	25	21	121
Peratus rawatan selesai di SMK Mantin yang rendah	24	27	22	25	21	119

Ahli Kumpulan: 9 orang Skor: Rendah-1, Sederhana-2, Tinggi-3

ANALISA MASALAH

S	Berdasarkan retan PG207 Januari hingga Disember 2022, sebanyak 41% (4838 orang) pesakit luar tidak menerima rawatan secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin. Ini boleh menyumbang kepada jangkitan yang serius sehingga boleh membahayakan pesakit.
M	Data pesakit luar di Klinik Pergigian boleh didapati daripada retan PG207 iaitu salah satu rekod data pergigian Klinik Pergigian Mantin.
A	Peningkatan jumlah pesakit luar menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) dapat membantu mengelakkan komplikasi pergigian yang serius, seterusnya membantu meningkatkan kualiti hidup pesakit.
R	Panambahaan proses kerja dapat membantu mengoptimumkan masa dan fasiliti tersedia bagi penyampaian perkhidmatan pergigian keaja pesakit, seterusnya dapat memberi peluang lebih ramai pesakit mendapatkan rawatan pergigian secara terus.
T	Kajian ini boleh dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

2. PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN



PERNYATAAN MASALAH

Analisa menunjukkan bahawa terdapat penurunan peratus pesakit luar mendapat rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin sejak tahun 2020 (51.40%). Penangguhan rawatan pergigian boleh mengakibatkan komplikasi pergigian yang lebih serius termasuklah kes cellulitis, Ludwig Angina dan seterusnya boleh meragut nyawa pesakit. Pengurusan pesakit dibahagikan pendaftaran kurang sistematis, tiada komunikasi berkesan antara staf kaunter dan staf di bilik rawatan serta pembahagian pesakit tidak sama rata bagi setiap bilik rawatan berkemungkinan menjadi faktor penyumbang. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan peratus pesakit luar yang menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin.

OBJEKTIF UMUM

Meningkatkan peratus pesakit luar menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin.

OBJEKTIF KHUSUS

- Menilai peratus pesakit luar yang menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin.
- Menganalisis punca penurunan peratus pesakit luar yang menerima rawatan pergigian di Klinik Pergigian Mantin.
- Menganalisis dan melaksanakan tindakan penambahbaikan.
- Menilai keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan.

INDIKATOR


$$\frac{\text{Jumlah pesakit luar menerima rawatan pergigian secara terus (tanpa janjitemu) di Klinik Pergigian Mantin}}{\text{Jumlah pesakit luar di Klinik Pergigian Mantin}} \times 100 \geq 69.56\%$$

Standard berdasarkan pencapaian tertinggi di KP Mantin yang dijadikan sebagai penanda aras


3. PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Jenis Kajian	Kajian 'Quality Improvement'
Tempoh	Pre-Intervensi: 1 Januari 2022-30 Jun 2022 Post-Intervensi: 1 Julai 2022-31 Disember 2022 (Post 1) 1 Januari 2023 - 30 Jun 2023. (Post 2) 1 Julai 2023 - 31 Disember 2023 (Re-evaluation)
Sumber data	-Data rekod retan pergigian bagi Klinik Pergigian Mantin (Retan PG 207) -Borang soal selidik pesakit dan staf pergigian -Borang keupuasan pelanggan -Rekod masa menunggu pesakit
Kriteria Inklusi	Pesakit luar yang hadir di Klinik Pergigian Mantin
Kriteria Eksklusi	-Pesakit luar yang mempunyai masalah perubahan yang tidak terkawal. -Pesakit OKU yang tidak memberikan kerjasama ketika rawatan pergigian. -Pesakit luar yang memerlukan temujanji bagi rawatan kompleks seperti kes rawatan akar gigi. -Pesakit luar yang tidak memberikan kebenaran rawatan pergigian.

5. STRATEGI PENAMBAHBAIKAN



4. ANALISIS DAN INTERPRETASI



6. KESAN PENAMBAHBAIKAN



KESIMPULAN DAN KESAN PELAKSANAAN PROJEK

- Peningkatan sehingga 33.02% pencapaian selepas tindakan penambahbaikan menggambarkan pengurusan pesakit yang bersekitar mampu memberi impak yang besar.
- Mewujudkan komunikasi berkesan antara staf pendaftaran dan staf di bilik rawatan membantu mengoptimumkan fasiliti tersedia untuk memberikan perkhidmatan pergigian terbaik untuk masyarakat.
- Beban kerja antara staf pergigian lebih seimbang di samping mendorong pegawai pergigian meningkatkan kemahiran klinikal bagi mengendalikan pesakit.
- Peningkatan keupuasan pelanggan dalam kalangan pesakit dan juga staf pergigian.

MODEL OF GOOD CARE

LANGKAH KRITIKAL	KRITERIA	STAND ARD	PRE	POST 1	POST 2	RE EVALUATION
Pesakit didaftarkan di TPC-CHCIS	• Status pesakit ditentukan sama ada pesakit baru atau pesakit temujanji • Pesakit didaftarkan di TPC-CHCIS	100%	100%	100%	100%	100%
Pesakit didaftarkan di GIRET 2.0	• Pesakit didaftarkan di GIRET 2.0	100%	100%	100%	100%	100%
Pesakit dipanggil masuk ke dalam bilik surgeri	• Pesakit dipanggil melalui sistem TPC-CHCIS ke bilik surgeri	100%	100%	100%	100%	100%
Pemeriksaan & diagnosis	• Aduan dan sejarah perubahan diambil oleh pegawai pergigian • Pemeriksaan & diagnosis dilakukan	100%	100%	100%	100%	100%
Plan rawatan dijalankan dan kebenaran rawatan diambil	• Pegawai pergigian menangkan plan rawatan kepada pesakit dan kebenaran rawatan diambil	100%	100%	100%	100%	100%
Rawatan dijalankan	• Pesakit diberikan rawatan yang diperlukan secara terus (tanpa janjitemu)	69.56%	45.5%	70.04%	71.07%	78.52%

7. LANGKAH SETERUSNYA

Intervensi ini akan diteruskan untuk meningkatkan status kesihatan mulut masyarakat. Kami telah membuktikan keberkesanan strategi ini dengan mengkalakan lebih 70% peratus pesakit luar mendapat rawatan pergigian di KP Mantin daripada bulan Jun 2022 sehingga bulan Disember 2023. Oleh itu, intervensi ini amat disarankan untuk diperluaskan.

PENGHARGAAN:

Penghargaan bagi semua pesakit dan staf pergigian di Klinik Pergigian Mantin yang memberikan kerjasama sepanjang tempoh kajian. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Kualiti Negeri Sembilan yang memberikan sokongan dan dorongan bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN:

- World Health Organization. Oral Health. (Accessed 2024)
- National Health and Morbidity Survey (NHMS)2020: MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA National Oral Health Survey of Adults (NOHSA) 2020.
- Rekod Data Pergigian PG 207 KP Mantin
- Kajian Keupuasan Pelanggan KP Mantin